

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 SEPTEMBER 2016

# Taman Tugu KL bertaraf dunia: Najib

BH-5/9/2016

➔ Projek seluas 26.7 hektar tambah tempat beriadah, bakal sinonim Hyde Park di London, Central Park di New York

**Oleh Hazwan Faisal  
Mohamad dan Mohd  
Zulkifli Zainuddin**  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**rojek Taman Tugu di ibu negara yang bakal sinonim Hyde Park di London dan Central Park di New York, adalah antara usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata beliau yakin projek seluas 26.7 hektar, bertujuan menambah tempat beriadah untuk warga kota itu, bukan sesuatu yang mustahil kerana sudah dapat melihat gambaran bahawa taman berkenaan bakal

menjadi tumpuan ramai.

“Ini kenyataan yang tidak dapat kita tolak. Kita kini sedang berjuang ke arah itu (menjadikan Kuala Lumpur bertaraf dunia).

“Taman Tugu ini masih belum mempunyai nama rasminya dan kita berharap rakyat dapat memberi idea nama apa yang sesuai untuk kita namakan taman ini apabila ia siap nanti.

“Fasa pertama projek taman ini dijangka siap pada pertengahan 2018 dan saya mahu ia disiapkan mengikut jadual. Ini akan menjadi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Khazanah Nasional Bhd,” katanya selepas melancarkan Projek Taman Tugu di sini, semalam.

Yang turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah

Ahmad Badawi; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Pengarah Urusan Khazanah Nasional, Tan Sri Azman Mokhtar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd Amin Nordin Abd Aziz.

**Jemput tetamu kenamaan  
luar negara tanam pokok**

Najib berkata, beliau juga mahu menjemput setiap tetamu kenamaan luar negara yang mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia untuk menanam pokok di taman berkenaan.

“Ia sebagai tanda bahawa pemimpin dunia sudah melawat ke negara ini,” katanya.

Perdana Menteri juga mahu mewujudkan kedai Nasi Lemak Tanglin di kawasan terbabit dipelihara ke-

rana ia sudah menjadi sebahagian daripada sejarah.

Katanya, beliau masih ingat ketika kecil menunggang basikal dari Sri Taman ke kedai Nasi Lemak Tanglin untuk membeli nasi lemak dengan harga 30 sen.

“Saya menunggang basikal seorang diri tanpa ada pengiring kerana tiada kewujudan militan IS ketika itu,” katanya berseloroh dan disambut tawa hadirin.

Sebelum pulang, Najib berkesempatan menyaksikan rutin menurunkan Jalur Gemilang oleh Rejimen Askar Melayu Diraja di Tugu Negara.

➔ Projek Taman Tugu sedia hutan di kota, Ms.12, Ms.13